

BAB 5 PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA

5.1 Sistem Ahli

5.1a) Apakah yang dimaksudkan Sistem Ahli? (Teks ms 117)

Melatih	Merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu.
----------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------

5.1b) Namakan negara yang menjadi model British pembentukan Sistem Ahli. (Teks ms 117)

i)	Kenya	ii)	Rhodesia Utara
----	-------	-----	----------------

5.1c) Apakah tujuan British memperkenalkan Sistem Ahli di Tanah Melayu? (Teks ms 117)

Dekolonisasi	British berhasrat untuk menjalankan dasar dekolonisasi untuk memberi kemerdekaan kepada penduduk di Tanah Melayu.
Tekanan	Mengurangkan tekanan daripada pihak Parti Komunis Malaya mempengaruhi penduduk.

5.1d) Senaraikan tokoh-tokoh tempatan yang terUbat dengan pihak British membentuk Sistem Ahli. (Teks ms 117)

i)	Dato'OnnJa'afar	ii)	Dato' Hamzah Abdullah
iii)	RajaUda	iv)	Dato' NikAhmed Kamil
v)	Dato'E.E.C. Thuraisingam	vi)	Encik Yong Shook Lin
vii)	Dr. Lee Tiang Keng		

5.1.1a) Terangkan ciri-ciri Sistem Ahli (Teks ms 117).

Kabinet	Satu sistem kabinet bayangan yang terdiri daripada beberapa orang pegawai tadbir dan tokoh masyarakat untuk memegang jawatan yang dibentuk.
Ahli	Anggota Sistem Ahli dikenal sebagai Ahli. Contohnya, Ahli Hal Ehwal dalam Negeri.
Perlantikan	Perlantikan Ahli dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu.
Anggota	Ahlinya terdiri daripada sembilan orang anggota, iaitu , tiga daripadanya merupakan orang Melayu, orang Cina dan Orang India dan empat orang pegawai Inggeris.
Kuasa	Ahli-ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British.

5.1.2a) Senaraikan nama ahli dan portfolio Sistem Ahli peringkat awal dalam Persekutuan Tanah Melayu. (Teks ms 118)

Nama	Portfolio
Dato' Onn Ja'afar	Ahli dalam Negeri
OA Spencer	Ahli Ekonomi
Tunku Yaakob	Ahli Pertanian dan Perhutanan
Dr. Lee Tiang Keng	Ahli Kesihatan
Dato' E.E.C. Thuraisingam	Ahli Pelajaran
J.D. Hodgkinson	Ahli Perindustrian dan Hubungan Sosial
J.D. Mead	Ahli Perumahan dan Kerja Raya
Dato' Mahmud Mat	Ahli Tanah, Perlombongan dan Perhubungan

5.1.2b) Senaraikan tanggungjawab setiap anggota dalam Sistem Ahli. (Teks ms 119)

Portfolio	Ahli yang dilantik diberikan tugas menjaga satu portfolio yang mengandungi beberapa buah jabatan kerajaan.
Harian	Menguruskan pentadbiran harian jabatan tersebut mengikut dasar-dasaryang sedia ada.
Cadang	Mereka juga bertanggungjawab mencadangkan undang undang yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan.
Bincang	Ahli akan berbincang dengan pegawai-pegawai kanan British untuk mendapatkan persetujuan bersama undang-undang yang dicadangkan.
Persetujuan	Pesuruhjaya Tinggi British memberikan arahan dan persetujuan dalam perkara tersebut dan selalunya cadangan undang-undang itu merupakan pendirian pentadbiran British.

5.1.2c) Bincangkan kepentingan Sistem Ahli kepada pentadbiran negara. (Teks ms 119)

Melatih	Sistem Ahli merupakan tapak asas untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri.
Perpaduan	Sistem Ahli juga memulakan proses perpaduan kaum kerana ahli-ahlinya merupakan gabungan pemimpin daripada pelbagai kaum di Tanah Melayu.
Kemerdekaan	Menentukan kemerdekaan mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu.
Pendedahan	Memberikan pendedahan yang baik kepada penduduk tempatan untuk mentadbir dan menerajui kerajaan walaupun masih dikuasai oleh British.

5.2 Pakatan Murni

5.2a) Apakah yang di maksudkan dengan pakatan murni? (Teks ms 119)

Kerjasama	Pakatan murni merupakan usaha semua kaum di Tanah Melayu menghasilkan satu kerjasama dan tolak ansur politik melalui rundingan.
------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

5.2b) Senaraikan tokoh yang menyertai rombongan kemerdekaan bersama TImku Abdul Rahman ke London. (Teks ms 120)

i)	Dr. Ismail Abdul Rahman	ii)	Dato' Abdul Razak Hussein
iii)	Kolonel H.S. Lee.	iv)	Dato' Panglima Bukit Gantang
v)	Dato' Nik Ahmed Kamil	vi)	Encik Abdul Aziz Majid
vii)	Dato' Mohd. Seth		

5.2c) Huraikan usaha-usaha yang dijalankan untuk mengadakan pakatan murni di kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu. (Teks ms 120-121)

Tubuh	Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum pada bulan Januari 1949 di Pulau Pinang dianggotai oleh dua kaum terbesar di Tanah Melayu, iaitu Melayu dan Cina.
Naung	Orang Melayu yang bemaung di bawah UMNO diketuai oleh Dato' Onn Ja'afar, orang Cina di bawah Persatuan Cina Melayu (MCA) diterajui oleh Tan Cheng Lock.
Anggota	Pada bulan Ogos 1949, Jawatankuasa ini dianggotai oleh enam orang pemimpin Melayu, enam orang pemimpin Cina dan seorang wakil daripada kaum India, Sri Langka, Serani dan Eropah.
Titik	Penubuhan Jawatankuasa ini adalah titik permulaan kerjasama kaum di Persekutuan Tanah Melayu.
Sanggup	Selain itu perubahan terhadap dasar UMNO kerana kesanggupan berunding dengan kaum lain untuk kepentingan masa depan negara.
Perpaduan	Dato' Onn Ja'afar menekankan perpaduan antara kaum sebagai asas kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.
Persetujui	Hasil daripada perundingan UMNO-Jawatankuasa Perpaduan Kaum telah dipersetujui. Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa atau Rural Industrial Development Authority (RIDA) pada bulan Oktober 1950 untuk memajukan ekonomi dan pendidikan masyarakat luar bandar terutama kaum Melayu.
Imigran	Kerakyatan N egeri 1951 diberikan kepada imigran yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu dengan syaratnya ibu atau bapanya telah menjadi rakyat Tanah Melayu.
Pilihan	Raya Pilihan raya akan diadakan pada masa yang sesuai di peringkat perbandaran, negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan.
Keahlian	Pada tahun 1951, Dato' Onn Ja'afar mencadangkan pembukaan keahlian UMNO kepada bukan Melayu, beliau telah dikecam hebat kerana masyarakat Melayu enggan berkompromi untuk mengubah struktur UMNO.
Meninggal	Beliau meninggalkan UMNO dan menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya atau Independence Malaya Party (IMP).
Sebuah	Dasar IMP mengikut Dato' Onn Ja'afar akan menggunakan
konsep	kerjasama kaum dalam sebuah parti terbuka kepada semua kaum yang mahu bekerja untuk mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.
Gagal	IMP gagal mendapat sambutan daripada kaum Cina, India dan Kaum lain di Tanah Melayu kerana rasa perpaduan terlalu asing bagi mereka.
Perasaan	Persidangan Kebangsaan ditubuhkan bulan Februari 1953 oleh Sir Malcom Macdonal, di King's House, Kuala Lumpur bertujuan untuk mencapai kerjasama politik bagi mengurangkan perasaan perkauman di kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu.
Diisytiharkan	Penubuhan Persidangan Kebangsaan diisytiharkan pada bulan April 1953, di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan Dato' Panglima Bukit Gantang menjadi pengerusinya disokong oleh beberapa orang Menteri Besar.
Anjur	Tuanku Abdul Rahman sebagai pemimpin UMNO telah menganjurkan Konvensyen Kebangsaan bersama-sama MCA disertai pelbagai parti dan persatuan politik mengasaskan pembentukan Parti Perikatan.

5.2.2 Perikatan serta Pilihan Raya Bandaran Negeri, dan Majlis Perundangan Persekutuan 1955

5.2.2) Terangkan kejayaan Parti Perikatan dalam melaksanakan pakatan murni. (Teks ms 121)

Perbandaran	Parti Perikatan memenangi sembilan daripada dua belas kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur bulan Februari 1952.
Bandar	Parti Perikatan memenangi 26 daripada 37 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya Majlis Perbandaran di beberapa bandar utama
Negeri	Parti Perikatan telah memenangi 226 daripada 268 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya negeri pada tahun 1954
Serta	Pada tahun 1955, Parti Perikatan disertai oleh MIC
Menyertai	Parti Perikatan menyertai pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) yang diadakan pada 27 Julai 1955.
Manifesto	Manifesto Parti Perikatan dalam pilihan raya adalah untuk mencapai kemerdekaan dalam masa empat tahun, mewajibkan pendidikan, menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan, menjaga hak asasi manusia dan melindungi hak RajaRaja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan.
Persekutuan	Parti Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.
KM	Kemenangan Parti Perikatan membolehkan Tunku Abdul Rahman selaku Ketua Parti Perikatan menjadi Ketua Menteri dan membentuk kabinet.
Kabinet	Pembahagian anggota kabinetnya terdiri daripada pelbagai kaum dan kabinet ini berfungsi sehingga kemerdekaan dicapai.
Rombongan	Februari 1956 Tunku Abdul Rahman mengetuai rombongan kemerdekaan ke London bersama wakil kaum dan wakil Sultan mengadakan rundingan dengan Lord Lennox-Boyd, iaitu Setiausaha Tanah Jajahan British.
Kemerdekaan	Sebuah suruhanjaya bebas untuk mengkaji perlembagaan telah dibentuk dan pihak British telah bersetuju untuk memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31.8.1957.
Isytihar	Tunku Abdul Rahman telah membuat pengisytiharan tarikh kemerdekaan itu di Bandar Hilir, Melaka.

5.2.3 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

5.2.3a) Senaraikan tokoh-tokoh yang terlibat dalam Suruhanjaya Reid. (Teks ms 123)

i)	Lord Reid	ii)	Sir Ivor Jennings	iii)	Sir William McKell
iv)	Tuan AbdulHamid	v)	Tuan B. Malik		

5.3 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

5.3.1 Suruhanjaya Reid

5.3.1a) Apakah isu yang menjadi perhatian Suruhanjaya Reid dalam merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957? (Teks ms 125)

Kuat	Pembentukan sebuah kerajaan persekutuan yang kuat dan pemberian kuasa autonomi kepada negeri.
Raja-	Raja Suruhanjaya mengambil kira isu kedudukan Raja-Raja Melayu dalam Persekutuan Tanah Melayu.
Istimewa	Hak istimewa orang Melayu sebagai penduduk peribumi.
Bangsa	Kewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu.
Kerakyatan	Kerakyatan jus soli yang menjadi tuntutan orang dagang yang tidak dapat diterima oleh orang Melayu.
Lemah	Kerakyatan jus soli dengan memberi hak sarna rata kepada semua kaum akan melemahkan kedudukan orang Melayu.
Iktiraf	Setelah rundingan Raja-Raja Melayu telah menerima kerakyatan jus soli dengan syarat orang bukan Melayu mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
Islam	Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu
Bahasa	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

5.3.2 Isi-isi Penting Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

5.3.2) Jelaskan isi kandungan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. Persekutuan Pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan. (Teks ms 127)

Pemisahan	Pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri melalui Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri.
Berperlembagaan	Institusi Raja dijadikan Raja Berperlembagaan pada peringkat negeri dan negara.
Kerakyatan	Tiga jenis kerakyatan diwujudkan, iaitu secara Kuatkuasa Undang-undang, Pemohonan dan Naturalisasi. Prinsip jus soli diterima (utk org Melayu)
Istimewa	Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan.
Islam	Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.
Simpanan	Tanah Simpanan Melayu dikekalkan.
Bahasa	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
Agong	Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua negara.
Demokrasi	Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara terletak di bawah kuasa Parlimen.
MB	Pada peringkat negeri, Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran dan beliau dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan EXCO.

5.3.3) Huraikan kepentingan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. (Teks ms 128)

Demokrasi	Persetujuan yang dicapai menerusi pakatan murni membolehkan sebuah kerajaan demokrasi dengan konsep Raja Berperlembagaan dibentuk.
Perpaduan	Pemimpin Melayu dan bukan Melayu menyokong pakatan ini kerana mereka menyedari bahawa pakatan ini akan mewujudkan perpaduan yang jitu antara kaum di Persekutuan Tanah Melayu.
Keharmonian	Menerusi pakatan murni, keharmonian kaum dapat dicapai tanpa pertumpahan darah.
Mentadbir	Memberi hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir sebuah negara yang berdaulat dan merdeka mengikut acuan sendiri.
Identiti	Dengan pengalaman sejarah yang sarna, setiap kaum berusaha untuk melahirkan identiti masyarakat yang merdeka.
Perbezaan	Perbezaan warna kulit, agama, bahasa dan bangsa diketepikan.

5.3.4) Terangkan tokoh-tokoh yang memberi sumbangan kepada kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. (Teks ms 131-132)

Tunku Abdul Rahman

Presiden	Sebagai Presiden UMNO menggantikan Dato' ann Jaafar.
Pertama	Ketua Menteri pertama setelah Parti Perikatan memenangi 51 kerusi daripada 52 kerusi dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan yang pertama.
Pakatan	Kebijaksanaan mengendalikan pakatan murni antara kaum.
Rombongan	Mengetuai rombongan kemerdekaan ke London untuk berunding mendapatkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
Kemerdekaan	Kemerdekaan dapat dicapai dengan penuh harmoni dan gemilang.
Bapa	Mendapat gelaran Bapa Kemerdekaan.

Tun Abdul Razak

Timbalan	Menjawab Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri.
Perunding	Menjadi perunding dalam tuntutan kemerdekaan di London. Pendidikan Menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penyata Pendidikan 1956 yang menggubal sistem pendidikan kebangsaan negara.
Penyata	Pada tahun 1957 Penyata Razak digunakan dalam sistem pendidikan negara.
Kedua	Dilantik menjadi Perdana Menteri kedua pada tahun 1970.

Tun H.S. Lee

Kerjasama	Tokoh MCA yang telah memulakan kerjasama antara kaum sehingga mencetuskan idea penubuhan Parti
------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------

BAB 5 PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA

	Perikatan.
Merdeka	Parti ini bekerjasama dengan UMNO dan MIC bagi mendapatkan kemerdekaan. Tan Chen Lock
Presiden	Menjadi Presiden pertama MCA dan Presiden Dewan Perniagaan Cina Malaya
Sokong	Penyokong kuat Tunku Abdul Rahman dalam mendapatkan kemerdekaan Tun V. T. Sambanthan
Presiden	Presiden MIC yang bersama-sama Tunku Abdul Rahman mendapat kemerdekaan negara.
Sokong	Menyokong dasar kerjasama kaum sebagai tonggak kemerdekaan negara.
Setia	Menyeru kaum India supaya memberi kesetiaan tidak berbelah bahagi kepada negara.